

Jangan khianati amanah pelanggan

PEGUAM atau juga digelar pengamal undang-undang merupakan satu profesion yang mempunyai status tinggi dalam masyarakat. Malahan adalah satu tanggungjawab yang dipikulkan undang-undang ke atas bahu setiap peguam untuk menjaga kemuliaan dan ketinggian darjat profesion itu (Aturan 31 Aturan Profesion Undang-Undang (Amalan dan Etika) 1978).

Namun apabila semakin sering dilaporkan di media mengenai salah laku peguam mutakhir ini, imej seluruh golongan profesional ini semacam terpalit lumpur. Tahun ini sahaja lebih daripada 50 laporan polis dibuat terhadap peguam atas pelbagai salah laku terutamanya penipuan dan pecah amanah. Diberitakan sejak 1981, 171 peguam digantung lesen amalan, 99 digantung lesen sementara dan 233 lagi dilucutkan daripada senarai pengamal undang-undang. Dianggarkan kira-kira 20 hingga 30 peguam dilucutkan kelayakan setiap tahun oleh Majlis Peguam Malaysia. Walaupun jumlahnya kecil berbanding jumlah 12,500 ahli berdaftar Majlis Peguam, ia

tidak boleh dipandang sepi. Pandangan dan rasa hormat masyarakat terhadap para pengamal undang-undang sedikit sebanyak tercalar bak kata pepatah kerana nila setitik habis rosak susu sebelanga.

Manakala sedikit masa dahulu, kita mendengar tentang bagaimana dengan mempamerkan pelekat kereta atau 'emblem' Majlis Peguam Malaysia, peguam boleh mengelak saman bagi kesalahan kecil trafik. Biarpun ramai juga bukan peguam yang mempamerkan pelekat tersebut, sewajarnya pengamal undang-undang berasa malu memperlihatkan 'aku peguam' saat menyalahi undang-undang atas alasan kerjanya atau apa saja. Lainlah kalau ia soal hidup atau mati kerana undang-undang turut memberi ruang pembelaan sewajarnya.

Maka, peguam seharusnya sentiasa menghayati etika dan tanggungjawab etika kepeguaman yang dipelajari di sekolah undang-undang. Etika yang berkait rapat dengan agama, moral, akhlak dan nilai ini penting dipelihara oleh semua ahli profesional seperti peguam

kerana ia aset penentu keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap kualiti, akauntabiliti dan ketelusan institusi tersebut.

Sebagai golongan yang sentiasa diamanahkan dengan pelbagai kepentingan sudah sewajarnya mereka menjalankan tanggungjawab memberikan perkhidmatan itu dengan penuh dedikasi, jujur dan amanah. Mereka yang mempunyai kesedaran etika yang rendah akan mudah terjerumus dalam perbuatan salah laku (tidak beretika) mahupun jenayah seperti perbuatan pecah amanah, melakukan penipuan dan mementingkan diri sendiri. Kalau perbuatan ini berterusan dan berleluasa sudah pastilah masyarakat dan negara akan menanggung akibatnya. Oleh itu, apa yang penting ialah kesedaran etika yang tinggi, penghayatan (amalan) dan komitmen yang bersungguh-sungguh yang boleh menjadi benteng kepada pelbagai godaan material.

Memandangkan peguam bertanggungjawab menyimpan wang klien melalui pelbagai transaksi yang mana ini

mewujudkan ruang membolehkan penipuan berlaku, satu mekanisme harus diwujudkan untuk mengurangkan kemungkinan ini. Undang-undang dan peraturan sedia ada terutamanya berkaitan pengendalian akaun klien perlu dikaji semula dan diperkemas. Manakala hukuman tegas bersifat pencegahan perlu dikenakan bagi golongan yang mengambil kesempatan.

Selain itu, Majlis Peguam yang bersikap telus dan tegas dalam mengendalikan anak-anak buahnya yang salah laku serta mendedahkan nama-nama mereka yang diambil tindakan dapat mengembalikan kepercayaan masyarakat terhadap golongan ini memandangkan bukan hanya imej profesion kepeguaman sahaja yang tercalar tetapi juga melibatkan kepentingan klien terlibat.

Bagaimanapun, kita percaya masih ramai lagi peguam yang jujur dan amanah yang mengamalkan undang-undang luhur.